

RUANG PAMERAN

Sekiranya anda berminat untuk membuka 'booth' pameran bagi tujuan promosi perkhidmatan, barangan, produk syarikat atau jabatan di ruang lobi PJS, sila kemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah PJS atau Bahagian Pengurusan PJS. Kadar bayaran sewa adalah RM60 sehari (Tidak termasuk kerusi & meja)

ANJUNG SAYANG

Anjung Sayang disediakan untuk keluarga pesakit dari *outstation* atau luar daerah Kuching. Permohonan adalah melalui Wad dan memerlukan pengesahan dari Unit Sosial Perubatan. Tiada caj bayaran dikenakan kepada keluarga pesakit.

KAFETERIA

Kafeteria disediakan untuk kemudahan para pesakit, orang awam dan kakitangan PJS. Kafeteria ini dibuka seperti maklumat dibawah:-

Isnin hingga Sabtu	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Ahad	6.00 pagi hingga 5.00 petang

KEDAI CENDERAHATI YAYASAN JANTUNG

Kedai ini menyediakan barangan keperluan harian dan cenderahati untuk para pesakit, orang awam dan kakitangan PJS. Ia turut memberi perkhidmatan untuk menyukat tinggi dan berat secara percuma kepada sesiapa yang berminat. Waktu operasi adalah seperti berikut:-

Isnin hingga Jumaat	8.00 pagi hingga 6.00 petang
Sabtu	8.00 pagi hingga 5.00 petang
Ahad dan Cuti Umum	Tutup

PERKHIDMATAN KECEMASAN & TRAUMA

Jabatan Kecemasan & Trauma PJS memberi perkhidmatan kecemasan untuk semua kes-kes kecemasan mengikut keutamaan dan keadaan pesakit. Setelah pesakit stabil, pesakit akan dihantar ke Hospital Umum Sarawak (HUS) dan bagi pesakit yang mengalami masalah jantung dan berkaitan akan dirawat terus atau didaftarkan ke wad PJS.

LARANGAN

- Tidak dibenarkan mengambil gambar dan video tanpa kebenaran

- Tidak membawa dan mengemas telefon bimbit dan alatan elektronik lain di kawasan hospital.
- Tidak meletakkan kenderaan di laluan ambulan dan laluan kecemasan
- Tidak dibenarkan merokok dalam kawasan hospital
- Tidak dibenarkan membuang sampah di merata-rata tempat di kawasan hospital

PANDUAN LAWATAN

Sekiranya anda ingin melawat pesakit sila patuhi waktu melawat seperti berikut:

Isnin hingga Jumaat	6.00 pagi hingga 7.00 pagi
& Cuti Umum	12.30 tengahari hingga 2.00 petang
	5.30 petang hingga 7.30 petang

Hanya 2 orang pelawat/penjaga dibenarkan memasuki Wad CCU & ICU pada satu-satu masa mengikut budi bicara penyelia wad. Kanak-kanak di bawah 12 tahun tidak dibenarkan memasuki wad hospital. Risiko adalah tanggungjawab pelawat sendiri.

Jika anda mewakili jabatan atau persatuan (Kerajaan/swasta/bukan kerajaan) dan ingin mengadakan lawatan ke PJS sila kemukakan permohonan bertulis kepada Pengarah PJS, Kota Samarahan Expressway, 94300 Kota Samarahan.

MAKLUM BALAS AWAM

Anda adalah digalakkan untuk memberi maklum balas menerusi Peti Cadangan PJS yang terdapat di :

- Aras 2 Kaunter Khidmat Pelanggan, Kaunter Farmasi, Unit NICL, Unit Kecemasan & Trauma dan Kaunter Klinik Pakar
- Aras 3 Wad CCU/ICU
- Aras 4 Wad CTW/Wad Pediatrik Kardiologi

ATAU

- E-mel : pjs@moh.gov.my & suzima@moh.gov.my
- Telefon : 082-688111 Faks : 082-668001
- Laman web : <http://pjs.moh.gov.my> & www.moh.gov.my

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat & Khidmat Pelanggan,
Bahagian Pengurusan , Aras 1,
Pusat Jantung Sarawak (PJS)
Tel: 082-688003 Ext: 8003



SEJARAH RINGKAS PENUBUHAN

Pusat Jantung Sarawak (dahulunya dikenali sebagai Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak) mula beroperasi pada 1 Januari 2011 dan telah dirasmikan pada 16 Januari 2011 oleh Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak. Pusat Jantung Sarawak (PJS) pada awalnya dikenali sebagai Pusat Perubatan Antarabangsa Sarawak atau Sarawak International Medical Centre (SIMC) yang mempunyai keluasan tanah sebanyak 50 ekar.

VISI

Pusat Jantung Sarawak menjadi antara institusi perubatan yang cemerlang dengan menyediakan perkhidmatan perubatan yang profesional, efisien, berkualiti dan memenuhi ekpektasi pelanggan.

MISI

Pusat Jantung Sarawak menyediakan perkhidmatan perubatan yang kreatif, diagnostik, pemulihan yang berkualiti itnggi, selamat,efisien, efektif dengan mengutamakan pelanggan.

PIAGAM PELANGGAN

Perkhidmatan barisan hadapan PJS Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk memberi perkhidmatan secara profesional, selamat, mesra, penyayang dan berkualiti.

1. Keutamaan akan diberikan kepada kes kritikal, separa kritikal di Jabatan Kecemasan dan Trauma dengan masa menunggu seperti berikut:-

- Semua kes kritikal (Zon Merah) dirawat dengan serta merta
- Semua kes separa kritikal (Zon kuning) dirawat dalam masa 30 minit
- Lain-lain kes (Zon Hijau) akan dilihat mengikut keutamaan kepada pesakit.

2. Perkhidmatan pesakit luar dan klinik pakar akan diberikan mengikut giliran dan/atau keadaan pesakit. Keutamaan akan diberikan kepada kanak-kanak, ibu hamil dan orang kurang upaya.

3. Maklumat akan diberikan kepada pelanggan berkenaan penyakit dan rawatan

4. Kerahsiaan maklumat peribadi, penyakit dan perawatan yang diberikan kepada pesakit adalah terjamin.

5. Kemudahan dan persekitaran yang bersih, selesa dan selamat disediakan

PERKHIDMATAN SEDIA ADA

A. Perkhidmatan Kardiologi

- Jabatan Akrdiologi
- Jabatan Pediatrik Kardiologi

B. Perkhidmatan Pembedahan

- Jabatan Pembedahan Kardiorasik
- Jabatan Urologi

C. Perkhidmatan Perubatan

- Jabatan Geriatrik

D. Perkhidmatan Kecemasan

- Jabatan Kecemasan & Trauma

E. Perkhidmatan Anestisiologi

- Jabatan Anestisiologi, Kardiorasik & Perfusi

F. Perkhidmatan Diagnostik & Sokongan Klinikal	G. Perkhidmatan Pengurusan
• Jabatan Patologi	• Jabatan Pengurusan
• Jabatan Radiologi	• Unit Kualiti
• Jabatan Fisioterapi	• Unit Keselamatan & Keselamatan Pekerjaan
• Unit Pemulihan Cara Kerja	• Unit Pengurusan PPP
• Jabatan Sajian dan Dietetik	• Unit Pengurusan Kejururawatan
• Jabatan Kerja Sosial Perubatan	• Unit Kawalan Infeksi
• Unit Hemodialisis	• Unit Kejuruteraan
• Jabatan Farmasi	
• Unit Pensterilan	
• Unit Rekod Perubatan	

LAIN-LAIN PERKHIDMATAN:

- | | |
|---------------------------------------|--|
| • Klinik-Klinik Pakar | • Klinik Sejahtera |
| • Klinik Mata | • Kafeteria |
| • Bilik Solat | • Kedai Hadiah Yayasan Jantung Sarawak |
| • Unit One Medicare (Swasta) | • Unit Kawalan Keselamatan (Swasta) |
| • Anjung Sayang - 12 bilik (26 katil) | • Auditorium - Kapasiti 200 orang |

BIL / CAJ ANDA?

KADAR BAYARAN DEPOSIT		
Jenis Rawatan	Awam / Swasta / Pesara	Warga Asing
	Caj/Bayaran (RM)	Caj/Bayaran (RM)
Perubatan	20.00	600.00
Pembedahan	30.00	1200.00
Pesara Kerajaan	TIADA	TIADA
Pesara - 1 Salinan fotostat kad pesara bagi tujuan masuk wad		
Pesakit hanya dibenarkan masuk ke wad dengan Surat jaminan yang sah atau deposit yang mencukupi menggunakan		
KADAR BAYARAN WAD (RM)		
Awam/Swasta	Warga Asing	Pesara
3.00	40.00	TIADA
Jenis Pesakit / Lawatan / Rujukan	Awam (RM)	Warga Asing (RM)
Jabatan Pesakit Luar (Kecemasan)	1.00 - setiap lawatan	100.00 - setiap lawatan
Jabatan Pesakit Luar - Rujukan Peg Perubatan (Poliklinik, Hospital, Klinik)	Percuma - lawatan pertama	60.00 - setiap lawatan
	5.00 - setiap lawatan susulan	
Jabatan Pesakit Luar (Rujukan Klinik / Hospital Swasta)	30.00 Lawatan Pertama	120.00-setiap lawatan
	5.00 – setiap	
Lawatan Susulan (Follow-up) setelah keluar wad	5.00 – setiap lawatan	120.00 - setiap lawatan
Anggota Kerajaan dan Pesara dikecualikan dengan syarat mengemukakan Surat Pengesahan Jabatan atau Kad Pesara		

**Pusat Jantung Sarawak (PJS) hanya menerima kes-kes yang dirujuk dari klinik atau hospital kerajaan serta swasta
KECUALI kes-kes kecemasan yang akan dirawat di Jabatan Kecemasan dan Trauma.**

BAYARAN DAN CAJ BERGANTUNG KEPADA JENIS RAWATAN DAN KATEGORI PESAKIT

- Anda berhak dimaklumkan berkenaan anggaran Caj Pusat Jantung Sarawak semasa mendaftar masuk.
- Anda juga perlulah mengemukakan Surat Jaminan Majikan untuk urusan pendaftaran. Pembayaran deposit akan dikenakan sekiranya tiada Surat Jaminan Majikan disertakan.
- Anda akan dibekalkan dengan Bil Rawatan Penuh. Butiran lengkap bil (Itemized Bill) akan disediakan atas permintaan. Sila dapatkan bil anda daripada anggota yang berkenaan.
- Pembayaran penuh boleh dibuat setelah bil dikeluarkan, sama ada secara tunai, Kad Kredit / Debit, Wang Pos ataupun Draf Bank. Cek Persendirian tidak akan diterima. Sila simpan resit anda untuk tujuan rujukan.

INGIN MEMBUAT LATIHAN INDUSTRI ATAU ATTACHMENT STUDENT DI PJS

Seciranya anda berminat untuk menjalankan latihan industri atau praktikal di PJS sama ada pelatih/pelajar perubatan atau bukan perubatan, sila kemukakan permohonan secara bertulis Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bagi latihan melebihi satu (1) bulan. Permohonan bagi latihan kurang dari sebulan boleh dikemukakan terus kepada Pengarah PJS. Setelah kelulusan diterima, maka anda akan dirujuk kepada Jabatan dan unit berkenaan yang berkaitan dengan jurusan masing-masing.

ANDA INGIN MENDERMA/MEMBERI SUMBANGAN?

Jika anda ingin menderma atau memberi sumbangan, sila kemukakan sumbangan anda secara bertulis kepada Pengarah PJS atau Bahagian Pengurusan, Kota Samarahan Expressway, 94300 Kota Samarahan.

INGIN MEMBUAT KAJI SELIDIK @ CASE STUDY DI PJS

Sebarang kaji selidik atau pengumpulan data untuk tujuan kajian pembelajaran sains atau sosial dari jabatan, intitusi pendidikan atau lain-lain badan kerajaan atau bukan kerajaan harus berdaftar dengan Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) di Hospital Umum Sarawak (HUS) sebagai pusat pendaftar. Hanya surat permohonan yang telah diluluskan oleh CRC HUS akan diterima pakai untuk kajian di PJS.